



NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (3)

Tarikh : 18 Mei 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

Dr. Lehanna
5/7/21

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2021

DZULKIFLI ABDUL RAZAK, Rector
Prof. Emeritus Tan Sri Dato'
International Islamic University Malaysia

PENILAIAN PROGRAM MOD PENAWARAN INDUSTRI (2u2i) BERDASARKAN 'GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MOD PENGAJIAN 2u2i' DAN 'DOKUMEN PENILAIAN KENDIRI MOD PENGAJIAN INDUSTRI (2u2i)'

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, MQA telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 3/2016 bertarikh 25 Februari 2016 yang memaklumkan tentang pembangunan 'Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL)' bagi menggalakkan PPT menggunakan pendekatan WBL dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum program pengajian.
3. Pada tahun 2017, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menerbitkan '**Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i (GP 2u2i)**' sejajar dengan inspirasi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Usaha ini dapat merapatkan jurang ketidaksepadanan antara kehendak industri dan graduan apabila Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan industri bergabung dalam proses pembangunan dan penyampaian kurikulum.
4. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (MKSDJK KPT-MQA) Bil. 1/2021 bertarikh 12 Mac 2021 telah bersetuju bahawa program pengajian yang dibangunkan dengan **struktur Mod Penawaran Industri (2u2i) perlu melalui penilaian akreditasi menggunakan ketetapan yang dinyatakan dalam 'GP 2u2i'** walaupun terdapat situasi PPT mengemukakan permohonan akreditasi program pengajian sebegini sebagai Mod Penawaran Kerja Kursus dengan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran secara *Work-Based Learning* (WBL).

5. Sehubungan dengan itu, MQA telah membangunkan '**Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)**' seperti dalam **Lampiran A** berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam GP 2u2i untuk membantu PPT memahami struktur program 2u2i dan aspek kualiti yang perlu dipenuhi semasa penilaian Akreditasi Sementara (Provisional Accreditation, PA) dan Akreditasi Penuh (Full Accreditation, FA).

6. PPT disarankan untuk menggunakan 'Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)' bagi menjalankan penilaian sendiri terhadap program Mod Penawaran Industri (2u2i) sebelum mengemukakan permohonan akreditasi kepada MQA. Selain dari itu, ia boleh dijadikan rujukan tambahan semasa menyediakan dokumen permohonan akreditasi program Mod Penawaran Industri (2u2i).

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan program Mod Penawaran Industri (2u2i) mencakupi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan bagi memastikan proses penilaian akreditasi program dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

8. 'Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)' boleh dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)